

# Pelaksanaan globalisasi perlu dikawal — PM

UM - 9 SEP 2002

**P**ULAU PANGKOR 8 Sept. — Globalisasi tidak ada bezanya dengan dasar apartheid jika pelaksanaannya tidak dikawal oleh undang-undang dan peraturan yang melindungi kepentingan dan sensitiviti golongan majoriti terutama negara-negara miskin, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tanpa kawalan undang-undang dan peraturan, globalisasi sebaliknya akan menjadikan negara kaya dan kuat memonopoli sepenuhnya pasaran dunia menerusi pengaliran keluar masuk modal tanpa sebarang sekatan.

"Hari ini, sementara ada negara yang mampu menarik pelaburan terus asing (FDI), banyak juga negara yang tidak mendapat apa-apa.

"Tidak ada pekerjaan diwujudkan, tidak ada industri, tiada kemudahan, tiada apa-apa.

"Kelihatannya, perkampungan global ialah perkampungan untuk yang kaya. Yang miskin tidak mempunyai sebarang bahagian di dalamnya. Inilah apartheid," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk 'Membina dan Membentuk Kemakmuran: Memberikan Dimensi Kemanusiaan Kepada Globalisasi' pada majlis penutup Forum Kepimpinan Global Asia di Pangkor Laut Resort di sini hari ini.

Perdana Menteri menambah, walaupun kemasukan modal akan memberikan manfaat kepada sesebuah negara tetapi penarikan modal terutama secara besar-besaran dan tiba-tiba bukan sahaja akan memberikan kesan yang buruk kepada ekonomi negara tersebut tetapi juga sosial dan politik.

"Inilah yang berlaku pada tahun 1997 apabila penurunan nilai mata wang telah memiskinkan kita dan menyebabkan kejatuhan pasaran saham.



"Bank dan syarikat-syarikat tidak bernafas dan tertekan. Semuanya merana, membawa bersama-sama mereka negara ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata, globalisasi perlu diterima tetapi jika globalisasi termasuk FDI boleh membawa manfaat kepada negara miskin, maka ia harus dikawal oleh undang-undang dengan mengambil kira kelemahan dan sensitiviti sesebuah negara.

Katanya, antara kawalan yang boleh dikenakan termasuk menyekat pengaliran keluar masuk modal secara bebas dan kegiatan memanipulasi serta spekulasi dalam pasaran saham dan mata wang harus diharamkan.

## Memanfaatkan

Beliau yakin globalisasi boleh dibentuk bukan sahaja untuk memanfaatkan negara-negara kaya tetapi juga negara-negara miskin dan ini boleh dicapai dengan menghormati dasar setiap negara.

Menurut beliau, setiap negara harus diberikan layanan yang bersesuaian dengan tahap pembangunan, budaya, sistem kerajaan dan cara kehidupan rakyatnya.

Pada masa yang sama, katanya, mereka yang mendapat manfaat besar dari globalisasi mesti membayar cukai kepada dunia, kerana menerusi globalisasi seluruh

dunia sudah menjadi satu negara atau perkampungan yang dikongsi bersama.

Dr. Mahathir berkata, menerusi cukai tersebut, lebih banyak infrastruktur akan dapat dibina di negara-negara miskin, yang sekaligus akan meningkatkan mutu kehidupan rakyat negara tersebut.

"Cukai itu harus digunakan khusus untuk membina infrastruktur yang diperlukan oleh negara membangun untuk membolehkan mereka terus membangun dan dapat menarik pelaburan asing," katanya yang mencadangkan hanya satu kadar yang sangat rendah daripada keuntungan yang diperoleh.

Dr. Mahathir berkata, dengan wujudnya infrastruktur baru itu, ia akan secara langsung menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan di dunia kerana kemudahan itu akan membolehkan negara miskin membangunkan sumber yang ada di negara terbabit.

"Dengan pengurangan kemiskinan di dunia ini, perkampungan global akan menjadi tempat yang lebih baik untuk didiami," katanya sambil menambah bahawa keadaan yang lebih baik itu juga akan mengurangkan rasa kecewa, marah dan kesengsaraan yang boleh menjurus kepada berlakunya kegiatan keganasan.

Sementara itu, di dalam dialog yang diadakan sejujur selepas beliau menyampaikan ucapan, Perdana Menteri berkata, idea memperkenalkan cukai dunia itu telah diutarakannya pada tahun lalu di Hainan, China tetapi tidak mendapat reaksi positif dari masyarakat dunia terutama masyarakat perdagangan.